



**SEMOGA BERJAYA...** Pengurus pasukan bola sepak veteran UUM, Mohd. Zaini Nasri (dua dari kanan) menyerahkan jersi kepada kapten pasukan, Shafferi Rejab sempena Sukan Antara Staf Universiti Malaysia ke-30 di Universiti Malaya.

# 193 STAF UUM BURU IMPIAN

HM 16/5/05 47:3

KONTINJEN Universiti Utara Malaysia (UUM) yang melibatkan 193 staf bersedia melakukan kejutan dan mempertahankan beberapa kejuaraan yang pernah disandang dalam Sukan Staf Antara Universiti Malaysia ke-30 yang sedang berlangsung di Universiti Malaya (UM).

Mereka terdiri daripada 119 peserta lelaki, 39 wanita dan 35 pegawai sukan yang akan mengambil bahagian dalam 15 daripada 23 acara yang dipertandingkan iaitu bola sepak, bola sepak vete-

ran, bola jaring, sepak takraw dan tenis campuran.

Acara lain ialah bowling (lelaki dan wanita), karom campuran, bola tampar

lelaki, catur campuran, badminton campuran, lawn bowl (lelaki dan wanita), ping pong lelaki dan juga golf jempunan.

Dalam kejohanan kali ini, pasukan bola sepak dan bola sepak veteran akan mempertahankan kejuaraan yang dimenangi tahun lalu, manakala sepak takraw, bola jaring, badminton campuran, ka-

rom campuran yang memperolehi pingat perak akan bekerja keras untuk mendapatkan emas tahun ini.

Kontinjen UUM akan cuba membolot 15 acara yang disertai tahun ini memandangkan setiap pasukan telah menjalani latihan intensif lebih awal berbanding tahun-tahun lalu.

Tahun lalu UUM menduduki tempat keempat daripada 17 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengambil bahagian dengan 2 emas, 5 perak dan 1 gangsa.